

Selasa – 22 Disember 2020

Halaman : 12

Orang Asli usung motosikal redah sungai

GUA MUSANG – Seramai 20 penduduk Orang Asli di Pos Balar di sini terpaksa mengungsi motosikal meredah sungai untuk ke bandar Gua Musang kelmarin.

Mereka mengambil masa kira-kira 10 jam untuk sampai ke bandar dengan melalui jalan balak yang rosak selain merebah air sungai yang naik.

Penduduk, Sari Din, 28, berkata, biasanya mereka mengambil masa lima jam untuk ke bandar.

Hujan berterusan sejak lebih tiga hari lalu menyebabkan keadaan jalan berselut dan paras air sungai meningkat.

"Kami bertolak dari rumah pada pukul 10 pagi dan sampai di bandar (Gua Musang) pada pukul 8 malam. Jadi, kami terpaksa bermalam di Gua Musang sebelum bertolak balik ke kampung pagi ini.

"Kami keluar secara berkumpulan dengan menunggang motosikal bagi memudahkan mengusung kenderaan itu semasa meredah sungai," katanya.

Sementara itu, sepupu Sari, Suhana Rajasulung, 31, memberitahu, mereka keluar ke bandar untuk membeli barang keperluan yang sudah kehabisan serta membantu jiran menghantar anak mendapatkan rawatan di Hospital Gua Musang.

Penduduk juga terpaksa berjimat cermat bagi mengelakkan barang makanan seperti beras kehabisan selain memakan ubi kayu dan sayuran kampung yang ditanam sendiri.

"Setiap kali musim hujan, kami (wanita) perlu meredah jalan rosak dan sungai. Kami sudah lali kerana hanya itu jalan perhubungan sejak turun temurun," katanya.



SUHANA (kanan) bersama Sari (kiri) mengusung motosikal meredah Sungai Inching, Pos Balar untuk ke bandar Gua Musang.